

UCAPAN

**YBHG. DATUK WAN SELAMAH
BINTI WAN SULAIMAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**SEMPENA PERHIMPUNAN BULAN JUN 2013
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PADA 6 JUN 2013**

Bismillahirrahmanirrahim. Rabbishrahli sodri wayassirli amri, wahlul ukdataan min lisani yafqahu qauli. Aamiin.

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis dan saudara pembaca doa. Semoga doa kita pada hari ini dimakbulkan oleh Allah s.w.t. jua hendaknya. Insya Allah. Terima kasih juga kepada kumpulan koir di atas dendangan lagu sebentar tadi.

Yang Berusaha Puan Hawazain binti Shaari, Timbalan Akauntan Negara (Operasi), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan, dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga Jabatan Akauntan Negara yang saya hormati dan kasihi sekalian.

Assalamualaikumwarahmatullahitaalawabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan selamat pagi.

Alhamdulillah syukur kita kehadrat Allah s.w.t kerana dengan rahmat, izin dan kurniaNya, maka kita dapat berkumpul pada pagi ini dalam perhimpunan bagi bulan Jun tahun 2013.

PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN

Beginu cepat masa berlalu, kita kini sedang melalui bulan akhir setengah tahun 2013. Ini bermaksud, hanya tinggal **satu setengah (1½) tahun** sahaja lagi masa yang diperuntukkan untuk Sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan beralih dari sistem perakaunan berdasarkan tunai ubahsuai kepada sistem bersasaskan akruan. Dalam tempoh masa yang amat singkat ini, sudah pastinya peranan yang dimainkan oleh JANM sebagai agensi peneraju dalam melaksanakan proses perakaunan bagi pihak Kerajaan, sudah pastinya sangat kritikal.

Untuk itu semua daripada kita haruslah memainkan peranan masing-masing dengan penuh komitmen dan bekerja dalam satu pasukan ke arah menjayakan transformasi ini. Dalam masa yang genting ini, perancangan kerja yang sistematik dan teratur amat penting.

Oleh itu, antara sumbangan yang boleh tuan/puan berikan demi mencapai transformasi negara adalah dengan mengambil tindakan merancang cuti masing-masing agar perjalanan kerja tidak terganggu. Insya Allah.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

PEMBELAJARAN BERTERUSAN

Pada masa yang sama, warga JANM perlu lebih cekap, berkesan, berani melangkah ke landskap perakaunan akruan serta peka kepada cabaran semasa untuk menangani persaingan dari dalam dan luar organisasi.

Oleh itu, saya ingin mengajak semua warga JANM untuk terus memantapkan daya saing dan keupayaan diri melalui penguasaan dalam ilmu pengetahuan dan melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran yang berkaitan. Dengan sumber manusia yang kompeten, in sha Allah segala permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh Jabatan dan Negara akan dapat ditangani.

Dua alternatif boleh dipilih. Alternatif pertama adalah memohon untuk mengikuti Program Pembangunan Profesional bersama **Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)** dan **Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)** dan kerjasama strategik dengan UiTM yang telah memasuki tahun ke dua. Program yang dimuktamadkan pada tahun 2012, kini diteruskan untuk sesi bermula Julai 2013. Seramai 19 orang telah mendaftar untuk menyertai program dengan ACCA dan 5 orang telah mendaftar untuk menyertai program dengan CIMA. Diharapkan program ini akan terus mendapat sambutan dan diteruskan dengan jayanya, bagi melahirkan warga perkhidmatan perakaunan yang lebih kompeten dan berdaya saing, selari dengan perkembangan global.

Alternatif kedua adalah melalui Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). JANM telah menerima pencalonan pegawai-pegawai bagi program HLP untuk sesi 2014 bagi program Sarjana dan Doktor Falsafah. Sesi temuduga telahpun diadakan pada 27 Mei yang lalu. Walaubagaimanapun, keputusan muktamad akan hanya diketahui setelah pegawai melalui proses temuduga yang dikendalikan oleh JPA.

Saya bangga dan kagum dengan semangat yang ditunjukkan oleh para pemohon yang berkobar-kobar dan bersedia menyahut cabaran untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang-bidang yang berkaitan. Semoga mereka semua berjaya.

KE ARAH PENSIJILAN SEMULA AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI 5S JANM BAGI TAHUN 2013

Seperti yang telah warga JANM sedia maklum, JANM telah berjaya memperoleh pensijilan semula Amalan Persekutaran Berkualiti 5S daripada pihak MPC bagi tahun kedua pada 2 Oktober 2012 dengan markah 90%. Sijil tersebut adalah sah untuk tempoh selama setahun dan perlu diperbaharui selewat-lewatnya pada 1 Oktober 2013.

Untuk itu, semua Zon 5S JANM perlu memperkemaskan lagi pelaksanaan 5S di zon masing-masing dan bersedia untuk pensijilan semula pada bulan Oktober nanti. Aktiviti 5S seperti gotong-royong dan sebagainya hendaklah dilaksanakan secara berterusan.

Seperti tahun lepas juga, JK Pemandu 5S telah bersetuju supaya hari Jumaat sebelah petang setiap minggu diishtihar sebagai hari 5S dan semua zon 5S boleh melaksanakan aktiviti 5S masing-masing pada waktu tersebut. Walaubagaimanapun, warga JANM hendaklah mematuhi **arahan pemakaian pakaian pejabat** pada sebelah pagi sebelum menukar pakaian pada sebelah petang bagi melaksanakan aktiviti 5S.

Jawatankuasa Audit 5S JANM juga akan mengadakan auditan ke semua zon 5S pada bila-bila masa sahaja bagi memastikan amalan 5S berada pada tahap yang memuaskan bagi tujuan pensijilan semula.

Kerjasama dan komitmen daripada semua warga JANM adalah amat diperlukan bagi merealisasikan matlamat tersebut. Semoga matlamat untuk mendapat pensijilan semula amalan persekitaran berkualiti akan menjadi kenyataan hasil daripada usaha semua warga JANM.

PENAMBAHBAIKAN KEMAJUAN KERJAYA PEGAWAI AWAM

Pada 17 Mei 2013 yang lalu, JANM telah mengemukakan satu cadangan penambahbaikan kemajuan kerjaya perkhidmatan perakaunan melalui pelaksanaan *Fast Track, Subject Matter Expert (SME)* serta penambahbaikan sistem kenaikan pangkat secara *time-based* pegawai perkhidmatan perakaunan kepada JPA.

Pelaksanaan penambahbaikan telah dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri bertujuan untuk mengiktiraf pegawai cemerlang dalam perkhidmatan awam, meningkatkan peluang kemajuan kerjaya, meningkatkan kepakaran dan kemahiran serta motivasi pegawai perkhidmatan awam.

Cadangan penambahbaikan kerjaya bagi pegawai perkhidmatan perakaunan ini kelak akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Gaji Sektor Awam yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri sendiri.

Diharapkan, dengan peluang-peluang yang akan diwujudkan kelak, pegawai perkhidmatan perakaunan akan lebih bermotivasi dan gigih dalam menjalankan tugas masing-masing ke arah merealisasikan visi dan misi Jabatan.

UCAPAN TAHNIAH DAN PENGHARGAAN

a) Persijilan MS ISO 9001: 2008 Peringkat Kedua

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada JANM WP Putrajaya dan JANM Negeri Selangor di atas pencapaian kerana telah berjaya mendapat Persijilan MS ISO 9001: 2008 Peringkat Kedua, Sistem Pengurusan Berkualiti tanpa laporan ketakakuran oleh SIRIM QAS. Semoga budaya cemerlang ini akan berterusan dan menjadi pendorong untuk lebih gemilang di masa-masa akan datang.

b) Pesta Sukan Perbendaharaan Kali Ke 23 Tahun 2013

Pesta Sukan Perbendaharaan Kali ke 23 bagi Tahun 2013 telah berakhir pada 2 Jun 2013 yang lalu. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan syabas dan tahniah serta ucapan terima kasih kepada Kontinjen JANM kerana telah berjaya **menjulang semula** trofi pasukan terbaik keseluruhan dan juara bagi tahun ini. Ucapan terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan PSP 2013 pada kali ini. Sekali lagi syabas dan tahniah diucapkan. Diharapkan pencapaian ini akan dapat diteruskan dengan prestasi yang lebih baik di tahun-tahun akan datang. In sha Allah. **AG Tak Boleh Kalah!**

PENUTUP

Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, sebagai tambahan kepada Nilai Bersama Jabatan iaitu **SPECIAL**, saya suka berkongsi falsafah YAB Perdana Menteri dan diwar-warkan oleh YB Datuk Ahmad bin Maslan, Timbalan Menteri Kewangan, semasa lawatan ke JANM pada 29 Mei 2013, dan sekali lagi semasa Perhimpunan Bulanan Kementerian Kewangan pada 4 Jun 2013 yang lalu, iaitu untuk melaksanakan tugas dengan mengutamakan **A, B, C, D, E**, iaitu **Amanah Bijaksana, Cekap, Dedikasi dan Efektif** untuk **Alif, Ba, Ta**, iaitu **Agama, Bangsa dan Tanahair**.

Ringkasnya bekerjalah dengan **A, B, C, D, E** untuk **Alif, Ba, Ta**.

Sekian, wabillahitaufik, walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.